



**INSTITUT KANSER NEGARA
PUTRAJAYA**

DOKUMEN SEBUT HARGA

**TAJUK : TAWARAN SEBUT HARGA
MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG, MENGUJI,
MENGKONFIGURASI DAN
MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN),
PUTRAJAYA**

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/46/2014

TARIKH IKLAN : 8 SEPTEMBER 2014 (ISNIN)

**TARIKH / MASA
DITUTUP : 11 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)
JAM 12.00 TENGAHARI**

KOD BIDANG : 210101

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/46/2014

**TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,
MENGUJI, MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

KANDUNGAN

- I. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA
- II. KENYATAAN SEBUT HARGA
- III. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
- IV. CADANGAN TEKNIKAL
- V. CADANGAN KEWANGAN

** Penyebutharga adalah diingatkan supaya melindungi dokumen ini sepertimana yang termaktub di bawah Akta Rasmi 1972.*

I. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT AM

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Tawaran harga juga hendaklah mengambil kira fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik sebanyak 0.8% bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi Pesanan Kerajaan yang melebihi RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*). Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem ePerolehan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

II. KENYATAAN SEBUT HARGA

KENYATAAN SEBUTHARGA
NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/46/2014

1. PERIHAL

Sebut harga ini dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan *eP-enabled* bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mengkonfigurasi dan Mentauliah Guna Komputer Peribadi di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya.

2. TARIKH SEBUT HARGA DIKELUARKAN

8 September 2014 (Isnin)

3. TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP

11 September 2014 (Khamis) pada atau sebelum jam 12.00 t/hari (**Secara Manual**)

4. KELAYAKAN PENYEBUTHARGA

Sebut Harga ini dibuka kepada mana-mana syarikat yang mempunyai **kad pintar ePerolehan** dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berikut:-

No	Tajuk	Kod Bidang
1	<i>Hardware (low end technology) -Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance</i>	210101

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA (MANUAL)

Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi beserta Dokumen Sokongan hendaklah dimasukkan secara manual ke dalam peti sebut harga **di Institut Kanser Negara, Jabatan Pengurusan, Aras 6, No. 4, Jalan P7, Presint 7, 62250 Putrajaya sebelum atau pada jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebut harga. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.**

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan teknikal hendaklah disalurkan kepada:-

**Institut Kanser Negara
Jabatan Teknologi Maklumat,
Aras 6, Institut Kanser Negara,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel: 03-8892 5462

Faks: 03-8892 5588

III. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

**ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/46/2014**

1. CADANGAN SEBUT HARGA

Penyebutharga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) jenis cadangan sahaja bagi sebut harga yang ditawarkan.

2. BORANG-BORANG YANG PERLU DIISI

- (i) Lampiran Q
- (ii) Lampiran A
- (iii) Lampiran B
- (iv) Lampiran C
- (v) Lampiran D
- (vi) Lampiran E

3. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen-dokumen **wajib** yang perlu dihantar secara manual adalah :

Cadangan Teknikal

Bil	Manual	Semak
1	Profail Syarikat	
2	Pengalaman : Surat perakuan daripada Jabatan / Agensi yang Pernah Menjalankan Perkhidmatan	
3	Lampiran A dan A1 : Dokumen Pematuhan Spesifikasi Pembekalan	
4	Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga	
5	Lampiran C : Surat Akuan Penyebutharga	
6	Lampiran E : Senarai Semakan	

Cadangan Kewangan

Bil	Manual	Semak
1	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	
2	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Akuan Bumiputera-jika ada	
3	Salinan Penyata Bulanan Bank 3 Bulan Terakhir	
4	Lampiran Q	
5	Lampiran D : Jadual Tawaran Harga	

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan perlu disediakan dalam dua sampul surat yang berasingan dan kedua-dua sampul surat tersebut pula hendaklah dimasukkan dalam satu sampul surat yang lebih besar beserta dengan dokumen sokongan lain. Sila catat **TAJUK SEBUT HARGA, NOMBOR SEBUT HARGA** disebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Pihak Kerajaan berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima

4. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut harga mestilah sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup sebut harga.

5. KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI

Keperluan dan spesifikasi bagi pembekalan yang diperlukan dalam sebut harga ini adalah dinyatakan dalam Spesifikasi Sebut Harga.

6. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima Sebut Harga kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku Sebut Harga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

7. HARGA

Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah tidak termasuk semua cukai duti kastam dan mestilah sah laku (*valid*) dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos yang bersangkutan dengan pembekalan.

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku Sebut Harga. Kontraktor yang berjaya ditawarkan Sebut Harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

8. FI PERKHIDMATAN TRANSAKSI ePEROLEHAN

Fi Perkhidmatan untuk transaksi melalui elektronik yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*one-time payment*) akan dikenakan sebanyak **0.8%** bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi Pesanan Kerajaan yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

9. POLISI INSURANS

Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengambil polisi insuran bagi kenderaan yang disewakan dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan.

10. JADUAL PEMBAYARAN

Kerajaan akan membuat pembayaran dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada Penyebutharga secara bulanan sehingga tamat tempoh pembekalan.

11. KESIMPULAN

Penyebutharga adalah dinasihati berhati-hati di dalam penyediaan semua maklumat dan memastikan maklumat yang perlu diisi di semua lampiran adalah dipatuhi.

Sila rujuk Lampiran F bagi maklumat yang perlu dilekatkan pada sudut kiri sampul cadangan teknikal, harga dan sampul besar yang mengandungi kedua-dua cadangan teknikal dan harga yang perlu dihantar secara manual.

SPESIFIKASI
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
MENKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA
NO. SEBUT HARGA: IKN/SH/46/2014

ITEM : KOMPUTER PERIBADI

KUANTITI : 10 UNIT

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
1.	SKOP KERJA UMUM			
1.1	Penyebutharga hendaklah membekal, menghantar, memasang, menguji, mengkonfigurasi dan mentauliah komputer peribadi sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Lampiran A dan Lampiran A1 (Spesifikasi Teknikal Komputer Peribadi).			
1.2	Penyebutharga hendaklah memastikan semua perkakasan dan perisian yang dibekalkan memenuhi keperluan dan spesifikasi yang setara atau lebih baik dan yang terkini (semasa penghantaran) serta dijamin oleh pengeluar.			
1.3	Penyebutharga hendaklah memastikan pembekalan dan pemasangan perkakasan tersebut perlu dibuat di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya.			
1.4	Penyebutharga dikehendaki menyediakan maklumat Kad Harta Modal bagi semua komputer peribadi yang dibekalkan dan menyerahkan kepada pihak Kerajaan. Format Kad Harta Modal akan dibekalkan kepada Penyebutharga yang berjaya.			
1.5	Menyediakan dokumentasi inventori bagi semua perkakasan dan perisian yang diagihkan termasuk spesifikasi terperinci, nombor siri, label dan lokasi.			
1.6	Penyebutharga hendaklah menanggung kos penghantaran komputer peribadi yang dibekalkan.			
1.7	Penyebutharga hendaklah memaklumkan dan mendapat pandangan serta persetujuan pihak Kerajaan bagi sebarang pelaksanaan pembekalan komputer peribadi seperti di dokumen sebutharga.			

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
1.8	Semasa dalam tempoh waranti Penyebutharga adalah bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sokongan ke atas perkakasan dan perisian kepada KERAJAAN tanpa apa-apa tambahan kos.			
1.9	Dalam keadaan di mana kerosakan atau ketidakfungsian sistem komputer, Penyebutharga mestilah mengambil tindakan pemulihan segera tanpa sebarang kos tambahan kepada KERAJAAN walaupun memerlukan penggantian komputer peribadi, perisian dan MESTILAH memasukkan semula data-data ke dalam sistem.			
1.10	Penyebutharga hendaklah mengemukakan maklumat berkaitan kepakaran dan kemahiran pasukan projek bagi perolehan ini mengikut format seperti di LAMPIRAN B.			
1.11	Penyebutharga hendaklah mengemukakan brosur teknikal bagi komputer peribadi yang dibekalkan.			
2.	SKOP KERJA PENYEDIAAN KOMPUTER PERIBADI			
2.1	Penyebutharga hendaklah membekalkan 10 buah komputer peribadi.			
2.2	Penyebutharga hendaklah memastikan semua perkakasan dan perisian yang dibekalkan memenuhi keperluan dengan spesifikasi yang setara atau yang lebih baik dan terkini (semasa penghantaran) serta dijamin oleh pengeluar.			
2.3	Komputer peribadi yang dibekalkan hendaklah mempunyai sistem seperti di Lampiran A1.			
2.4	Memastikan komputer peribadi dibuat sekurang-kurangnya dua <i>partition</i> mengikut pecahan kapasiti yang dipersetujui dengan sebelum kerja-kerja instalasi dan konfigurasi ke atas komputer peribadi.			
2.5	Penyebutharga hendaklah memastikan semua perkakasan yang dibekalkan adalah IPv6 <i>enabled</i> .			
2.6	Kerja-kerja pemasangan komputer peribadi adalah meliputi konfigurasi sistem pengoperasian dan <i>office automation</i> .			

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
3.	KEPERLUAN PERKHIDMATAN SOKONGAN TEKNIKAL DALAM TEMPOH KONTRAK			
3.1	Penyebutharga boleh dihubungi oleh pihak Kerajaan melalui telefon, faks, e-mel atau lain-lain cara bagi melaporkan masalah yang berkaitan dengan perkakasan dan perisian yang dibekalkan.			
3.2	Penyebutharga hendaklah memastikan bantuan dan khidmat sokongan teknikal dapat diberikan sepanjang tempoh jaminan. Sekiranya Penyebutharga gagal menyelesaikan masalah teknikal dalam tempoh yang ditetapkan, maka syarikat akan disenaraihitamkan.			
3.3	Penyebutharga hendaklah menyediakan kakitangan khidmat sokongan teknikal yang cekap, berdikari, berkeelayakan serta terlatih dalam memberikan khidmat sokongan terhadap semua perkakasan dan perisian yang dibekalkan. Mereka juga hendaklah mempunyai perhubungan yang baik dengan kakitangan Kerajaan bagi memastikan tugas berjalan dengan lancar dan melaporkan kepada pegawai yang bertanggungjawab sekiranya ada masalah dalam tempoh satu (1) tahun.			
3.4	Penyebutharga hendaklah mampu memberikan khidmat sokongan teknikal dilokasi sepanjang tempoh jaminan.			
3.5	Bersedia untuk berurusan dengan kakitangan IKN yang terlibat apabila diperlukan.			
3.6	Penyebutharga hendaklah mengemukakan kakitangan teknikal yang bertauliah dan berpengalaman dalam memberi khidmat sokongan teknikal dan nasihat ke atas peralatan yang dibekalkan.			
3.7	Sekiranya berlaku masalah kepada perkakasan dan perisian dalam tempoh jaminan, Penyebutharga hendaklah mengambil tindakan dengan segera.			

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
3.8	Penyebutharga hendaklah memberi unit gantian yang mempunyai spesifikasi yang setara atau lebih tinggi sekiranya masalah tidak dapat diselesaikan. Perkakasan gantian yang diberi mestilah dapat beroperasi dengan baik untuk memastikan perjalanan sistem yang lancar.			
4.	PENYEDIAAN LAPORAN, DOKUMENTASI DAN MANUAL			
4.1	Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menyedia dan menyerahkan semua dokumentasi yang lengkap mengenai pemasangan, penggunaan dan penyeliaan ke atas setiap perkakasan dan perisian yang dibekal dan dipasang. Dokumentasi yang perlu dibekalkan termasuk <i>user guides</i> , <i>technical reference manual</i> dan lain-lain dokumen yang berkaitan.			
4.2	Menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) salinan semua dokumentasi/manual/laporan yang telah dikemaskini. Semua dokumentasi / manual / laporan mestilah salinan asal dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan satu (1) salinan CD.			
4.3	Semasa dalam tempoh jaminan, segala aktiviti sokongan teknikal yang diberikan kepada pengguna perlu direkodkan dan dilaporkan sebulan sekali kepada Kerajaan (sekiranya ada).			
5.	JADUAL PELAKSANAAN			
5.1	Penyebutharga hendaklah menyiapkan kerja-kerja membekal, menghantar, memasang, menguji, mengkonfigurasi dan mentauliah komputer peribadi di lokasi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.			

SPESIFIKASI
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
MENKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA
NO. SEBUT HARGA: IKN/SH/46/2014

ITEM : KOMPUTER PERIBADI

KUANTITI : 10 UNIT

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
1.	Processor - Intel® Core™ i3-4130 Processor (Up to 3.4 GHz Max. Turbo Frequency (3.4 GHz base frequency) 3 MB cache, 2 cores, 4 threads)			
2.	Chipset - Intel® 8 Series (H81 Express) Chipset			
3.	Form Factor - Microtower (MT)			
4.	Windows - Win 8.1 Pro downgrade to Win7 Pro 64 OS			
5.	Harddisk - 500 GB, 7.2K rpm			
6.	Memory - 4GB DDR3-1600 DIMM (1x4GB) RAM			
7.	ODD - HP SuperMulti 1st Optical Drive			
8.	Audio – Integrated (DTS Studio Sound™, Realtek ALC 221 Audio)			
9.	Internal speaker - Yes			
10.	Graphice - Intel HD Graphics 4400			
11.	Office - MS Office Home and Business 2013			
12.	FDD -No			
13.	Input Device - USB Standard JB Keyboard & USB Optical BLK Mouse			
14.	Monitor - HP LV1911 18.5-Inch LED LCD Monitor			
15.	Warranty - 1 Year			

**MAKLUMAT PENYEBUTHARGA
(SILA LENGKAPKAN DENGAN MENGGUNAKAN
PEN/COP BERDAKWAT HITAM/BIRU)**

1.0 NAMA SYARIKAT:

2.0 ALAMAT SYARIKAT/ NO. TELEFON / NO. FAKS SYARIKAT :

3.0 NO. SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT :

4.0 NO. SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN / TEMPOH TAMAT PENDAFTARAN :

5.0 JUMLAH MODAL BERBAYAR :
(Sila sertakan dengan borang 24, 44, 49 yang terkini)

**6.0 PENGALAMAN YANG BERKAITAN
(BAGI 5 PEMBEKALAN TERKINI : KERJA DALAM TANGAN)**

Bil	Lokasi Projek	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM)
1			
2			
3			
4			
5			

- Sila sertakan dengan surat tawaran/ surat sokongan / notis tamat kontrak.
(Ruangan ini wajib diisi)

7.0 PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:

8.0 MAKLUMAT BANK :

- NAMA BANK :
- ALAMAT BANK :
- NO. AKAUN BANK :

**SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA
BAGI TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/46/2014

Saya, nombor K.P
yang mewakili No. Pendaftaran
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut
Kanser Negara (IKN), Putrajaya** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan
~~tender/~~ sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi
saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut Kanser Negara
(IKN), Putrajaya** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan ~~tender/~~
sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender/~~sebutharga* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi ~~tender/~~sebutharga* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut Perolehan Kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini ganjaran mendapatkan ~~tender/~~sebutharga*
seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama:
No.K/P:

Cop Syarikat:

Catatan: * potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL TAWARAN HARGA

**TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,
MENGUJI, MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

BIL	ITEM	KUANTITI (UNIT)	TAWARAN HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH TAWARAN HARGA (RM)
1	Komputer Peribadi	10		
Jumlah Tawaran Harga				

**PENYEBUTHARGA PERLU MENGAMBIL KIRA KOS TRANSAKSI ePEROLEHAN SEBANYAK 0.8%
DALAM JUMLAH TAWARAN HARGA KESELURUHAN**

Saya bersetuju untuk menawarkan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji,
Mengkonfigurasi dan Mentauliah Komputer Peribadi ini dengan nilai harga
RM.....

Tawaran ini adalah sah bagi tempoh sah laku : **90 hari** dari tarikh buka sebutharga.

.....

Tandatangan Pemilik/Wakil

Nama Penuh:.....

No.K/P:

Alamat

Meterai atau Cop Pembekal

--

SENARAI SEMAK

**TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/46/2014

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh JK Pembuka Sebut Harga
Cadangan Teknikal			
1	Profail Syarikat		
2	Lampiran A : Dokumen Pematuhan Spesifikasi Pembekalan		
3	Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga		
4	Lampiran C : Surat Akuan Penyebutharga		
5	Lampiran E : Senarai Semakan		
6	Contoh katalog		
Cadangan Kewangan			
7	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
8	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Akuan Bumiputera - jika ada		
9	Salinan Penyata Bulanan Bank 3 Bulan Terakhir		
10	Lampiran Q		
11	Lampiran D : Jadual Tawaran Harga		
12	Lain-lain sekiranya ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada). Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

**SAMPEL KERATAN YANG PERLU DILEKATKAN PADA SAMPUL CADANGAN
TEKNIKAL, HARGA DAN SAMPUL BESAR YANG MENGANDUNGI KEDUA-DUA
CADANGAN TERSEBUT**

**TAJUK SEBUT HARGA : TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENGKONFIGURASI
DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI DI INSTITUT KANSER
NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/46/2014

**ALAMAT JABATAN : JABATAN PENGURUSAN
INSTITUT KANSER NEGARA
ARAS 6
NO.4, JALAN P7, PRESINT 7
62250 PUTRAJAYA**

LAMPIRAN Q

(Kew. 284-Pin.2/94)

Bila menjawab, sila nyatakan
Nombor ini

No. Sebutharga: IKN/SH/46/2014
INSTITUT KANSER NEGARA

KERAJAAN MALAYSIA

**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAH KOMPUTER PERIBADI
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG DAN PERKHIDMATAN

Kepada:

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan

INSTITUT KANSER NEGARA ,
PUTRAJAYA
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya

No. Telefon:

No. Telefon: **03-8892 5555**

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Tarikh : 8 September 2014

Kewangan:

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan

dengan pembekalan ini: **210101**

Sila beri Sebut Harga untuk **Tawaran Sebut Harga Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mengkonfigurasi dan Mentauliah Komputer Peribadi di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya**

1. tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-
 - 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan.
 - 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki **3 hari dari tarikh Sebut Harga diiklankan.**
 - 1.3 Arahan Pengiriman Dihantar/serah ke alamat di atas.
 - 1.4 Sebut Harga dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **IKN/SH/46/2014.**
 - 1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **11 September 2014 (Khamis).**
 - 1.6 Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah (90) hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: Tandatangan :.....
 Nama Pegawai :
 Jawatan :

Bil.	Perihal Bekalan/Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1.	Skop pembekalan seperti <u>di Lampiran A</u>	10 unit		
2.	Jumlah tawaran harga keseluruhan Tawaran harga secara terperinci adalah seperti <u>di Lampiran D</u> Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan adalah mengikut jadual penghantaran *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/Sijil Akuan Bumiputera, jika ada.			

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan penyempurnaan adalah mengikut jadual penghantaran

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:.....

Nama dan No. KP:.....

Alamat Syarikat:

Tarikh:.....